

# Status halal bukan sekadar logo

## Ummah perlu jaga pemakanan pastikan bukan dari sumber haram

**Nik Salida Shuhaila**



salidasuhaila99@yahoo.com

**M**UTAKHIR ini pencerahan mengenai komitmen individu dan kerajaan ke arah pemakanan halal sangat membanggakan. Tidak hanya terbatas kepada soal logo dan persijilan halal, industri halal juga melonjakkan komitmen untuk meneruskan penyelidikan serta memperluaskan kesedaran masyarakat.

Di United Kingdom, komitmen sama tidak terkecuali. Walaupun Muslim hanya minoriti, produk halal yang ada di negara ini sedikit sebanyak memberi kemudahan kepada umat Islam. Restoran makanan halal juga tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan.

Seperti di Malaysia, logo halal semata-mata belum cukup meyakinkan umat Islam untuk mengambil mudah mengenai pemakanan halal melainkan ada sijil ditampal di premis perniagaan masing-masing, lengkap dengan nombor kod yang menunjukkan keaslian sijil itu.

Dewan makan di sekolah juga turut menyediakan makanan halal kepada pelajar Muslim. Bukan saja makanan, penyediaan dan sumber makanan turut menepati standard halal ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

Di sesetengah tempat, makanan halal hanya disediakan Muslim saja dan ia antara syarat menepati persijilan halal. Sudah tentu ko-


mitmen ini satu kewajipan yang tidak harus diketepikan.

Walaupun ada segelintir umat Islam yang tidak mengambil berat mengenai pemakanan dan penggunaan produk halal, ia bukan halangan untuk meneruskan iltizam itu kerana umat Islam diwajibkan mengambil atau menggunakan produk halal saja.

Islam menitikberatkan pengambilan makanan dan produk halal kerana ia asas pembentukan rohani serta jasmani manusia. Malah Allah mengandaikan umat Islam yang memakan sesuatu yang tidak halal sebagai mengikut tindak tanduk syaitan.

Firman Allah yang bermaksud: *“Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan jangan kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah*

### PETIKAN HADIS



*Akan ada suatu zaman pada umat manusia yang seseorang itu tidak lagi mempedulikan apa diambilnya (rezeki diterima olehnya) apakah dari yang halal atau haram* ”

**Riwayat Al-Imam Al-Bukhari**



**BERHATI-HATI** memilih makanan elak diri tertipu dengan logo halal digunakan.

*musuh yang terang nyata bagi kamu.”* (Surah al-Baqarah, ayat 168)

Tidak dapat dinafikan komitmen yang konsisten untuk memastikan umat Islam mempunyai banyak pilihan makanan dan produk halal di pasaran akan menyedarkan masyarakat yang sebelum ini tidak mengambil berat akan hal berkenaan.

Malangnya, ada juga yang tidak prihatin mengenai sesetengah makanan atau produk yang memang tidak disahkan halal, sebaliknya tetap memakan atau menggunakannya tanpa rasa jijik atau takutkan dosa.

Antaranya arak dan dadah. Di sebabkan ingin merasai semua nikmat dunia tanpa memilih yang hak dan batil, semua makanan dibahaminya, hatta bahan digunakan untuk tujuan perubatan seperti alkohol dan dadah pun diambil sebagai makanan harian. Produk perubatan halal tidak menjadi pilihan sedangkan tiada situasi darurat

membolehkan tujuan itu.

Larangan mengambil makanan tidak halal kerana setiap makanan memberi kesan kepada pembangunan peribadi manusia. Umat Islam yang benar-benar menjaga pemakanan mempunyai tubuh badan sihat, cergas, sekali gus memudahkan urusan ibadah.

Bukan itu saja, mereka juga sentiasa berada dalam perlindungan Allah, taat dan yakin terhadap garis panduan disediakan buat umat Islam. Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: *“Perkara yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas.”* (Hadis riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

Perlu diingatkan, makanan halal bukan saja sifatnya terhasil daripada sumber halal seperti ayam yang disembelih mengikut cara Islam, tetapi sumber kewangan digunakan untuk membeli makanan itu juga mesti halal.

Ramai yang terlupa wang rasuah, tuntutan palsu, jual beli yang me-

nipu, riba dan sebagainya antara penyebab sesuatu makanan itu bertukar sifat halalnya menjadi haram. Ia tiada kena mengena dengan logo atau sijil halal dilabelkan, tetapi perlukan tarbiah rohani yang mantap, supaya tindak tanduk tidak dibayangi syaitan.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Akan ada suatu zaman pada umat manusia yang seseorang itu tidak lagi mempedulikan apa diambilnya (rezeki diterima olehnya) apakah dari yang halal atau haram.”* (Hadis riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

Sikap umat Islam hari ini yang kurang cerewet memilih yang halal tentunya membimbangkan, takut-takut ini zamannya dimaksudkan Baginda Rasulullah SAW.

**Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom**